

Umat Islam Perlu Kembali Kepada Ajaran Islam Sebenar Hadapi Cabaran - Muhyiddin

Bernamea

July

4,

2014

MUAR, 4 Julai (Bernama) -- Umat Islam perlu kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar terutama sekali ketika berhadapan cabaran yang bukan setakat cabaran biasa dalam meningkatkan syiar Islam, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Melahirkan kebimbangan terhadap seriusnya cabaran dihadapi umat Islam masa kini, Timbalan Perdana Menteri berkata umat Islam di Malaysia bukan sahaja berdepan dengan cabaran biasa dalam menegakkan agama Islam tetapi cabaran dalam membangunkan ekonomi, sosial dan semangat kenegaraan.

Beliau berkata cabaran bukan sahaja datang daripada bukan Islam tetapi juga daripada umat Islam sendiri.

"Dalam usaha kita memajukan iktisad, kemudahan sosial dan kenegaraan di negara ini, kita berdepan dengan pelbagai pihak termasuk pihak yang ingin mengembangkan isme-isme (pemikiran) mereka.

"Justeru itu, jika kita tidak mempunyai keimanan dan bersatu, sudah tentulah agak sukar untuk kita menghadapi cabaran-cabaran berkenaan," kata beliau ketika berucap pada majlis berbuka puasa Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Serampang di Masjid Jamek Haji Yaakob, Mukim Lenga, dekat sini hari ini.

Muhyiddin berkata pemikiran seperti pluralisme dan liberalisme yang semakin berleluasa di negara ini sedikit sebanyak turut menimbulkan permasalahan sosial seperti lesbian, transgender dan perkahwinan sesama jenis serta kesamarataan agama sehingga ada sesetengah pihak menuntut hak mereka atas alasan hak asasi manusia.

Katanya apa yang lebih membimbangkan lagi adalah pergerakan seperti itu turut didalangi pertubuhan antarabangsa yang mengambil peranan sebagai kumpulan pendesak terhadap pemikiran sedemikian.

Selain itu, peranan media sosial turut memainkan peranan dalam menokok tambah terhadap penyebaran pemikiran-pemikiran ini, kata beliau.

"Pada hari ini ada tafsiran-tafsiran baharu dibuat oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga mendatangkan debat yang kadang kala dibuat secara terbuka.

"Justeru itu, kita harus kembali ke pangkal jalan bagi melihat kembali di mana kekuatan kita dalam menghadapi cabaran-cabaran mendatang," katanya.

Berhubung pembabitan rakyat Malaysia dalam gerakan jihad di Timur Tengah, Timbalan Perdana Menteri berkata:"Ada orang kita terpanggil untuk berjihad fisabilillah di negara-negara Islam. Itu biarlah Jawatankuasa Fatwa yang menentukannya".

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menerima zakat perniagaan sebanyak RM100,000 daripada Bank Rakyat untuk diserahkan kepada fakir miskin dan anak yatim kawasan Parlimen Pagoh dan menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik.

Turut hadir ialah Anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Serampang yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Ismail Mohamed dan Naib Presiden Bank Rakyat Wilayah 4 (Melaka/Johor) Azman Abd Aziz.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1051452>